

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 June 2015

Komuniti Dayak tidak dipinggir

um-17/6/2015

Oleh ANGELINA SINYANG
dan MD. AZRIN ROSLY
pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 16 JUN.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan bahawa kerajaan di bawah pimpinannya akan memastikan masyarakat Dayak tidak akan terpinggir menikmati pembangunan utama di negara ini.

Katanya, sokongan padu oleh masyarakat Dayak menunjukkan mereka begitu yakin dengan kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri.

Justeru ujarnya, beliau berazam untuk tidak membenarkan komu-

niti itu berasa tertinggal dalam arus pembangunan.

"Saya akan pastikan perkara tersebut tidak berlaku. Sebab itu, saya perlu tahu apa yang diperlukan oleh komuniti ini supaya mereka lebih progresif dan berasa diri sebahagian daripada rakyat negara ini," katanya ketika berucap dalam majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-59 Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) di Pusat Konvensyen Borneo Kuching di sini malam ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem dan isteri, Puan Sri Jamilah Anu; Menteri Pembangunan Sosial negeri merangkap Presiden SDNU,

Tan Sri William Mawan Ikom serta Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang juga Timbalan Presiden SDNU, Datuk Alexander Nanta Linggi.

Menurut Najib, komuniti Dayak terdapat ramai di kawasan pedalaman dan beliau sendiri sudah banyak kali turun padang menemui mereka termasuk melawat ke sebuah rumah panjang sempena Gawai Dayak di Kapit hari ini dan penempatan kaum Iban di Lachau sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, hasil lawatan itu, beliau mengetahui bahawa komuniti Dayak memerlukan banyak pembangunan infrastruktur.

Katanya, kerajaan Barisan Nasional (BN) tiada masalah untuk membelanjakan wang berbilion

ringgit untuk memenuhi keperluan tersebut.

"Sebagai Perdana Menteri, saya boleh hanya duduk di pejabat di Putrajaya menunggu membaca laporan dan mendengar taklimat mengenai masalah rakyat tetapi saya fikir saya mesti merasa sendiri denyut nadi rakyat.

"Sebab itu, saya sanggup pergi ke rumah panjang yang jauh di pedalaman agar boleh bersalaman dengan penduduk dan mengetahui sendiri masalah dan keperluan mereka," ujarnya.

Najib berkata, beliau akan memastikan komuniti Dayak menikmati pembangunan infrastruktur dan pendidikan lebih luas, malah memberi peluang kepada mereka me-

megang jawatan tinggi dalam sektor kerajaan serta swasta.

Selain itu katanya, beliau juga sudah berbincang dengan Adenan untuk menyelesaikan isu hak tanah adat bumiputera (NCR) bagi membolehkan lebih ramai masyarakat Dayak memiliki tanah.

Tambahnya, beliau juga meminta agar program bantuan membina dan membaiki rumah panjang diperluaskan dalam usaha memodenkan kediaman tersebut.

"Kita juga berusaha membantu pekebun kecil dan memberi peluang kaum Dayak terlibat dalam bidang keusahawanan dengan harapan dapat mentransformasikan kehidupan masyarakat itu," katanya.